

MT disaran adakan peraturan khusus

BH 11 APR 2000

Oleh Jamhariah Jaafar, Seri Intan Ohtman dan Mohd Fadzil Aziz

KUALA LUMPUR, Isnin – Majlis Tertinggi (MT) Umno disaran menggariskan peraturan lebih khusus berhubung kempen pemilihan parti Mei ini dengan turut merangkumi perwakilan serta ejen yang dilantik mewakili calon.

Beberapa pemimpin Umno menyifatkan peraturan itu penting kerana mendakwa kebanyakan calon menerima 'semacam ugutan' daripada perwakilan yang mempunyai 'kuasa' ke atas nasib mereka.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid yang juga calon MT, berkata MT sepatutnya menangani isu itu dengan lebih khusus kerana ketika ini terdapat gejala di mana ejen 'calon' yang menjadi dalangnya.

Beliau turut mendakwa menerima panggilan telefon daripada orang tertentu yang menawarkan untuk

menjadi ejennya.

"Pucuk pimpinan kena bagi amaran yang khusus, kita kena meneliti perkara ini kerana ejen terbabit ada yang datang dari jauh menjadi hotel serta tempat khusus sebagai markas mereka.

"Saya dengar markas mereka ini ada di Alor Star dan Kuala Lumpur... mereka datang dari jauh membawa nama si polan-si polan," katanya di sini, hari ini.

Semalam, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengeluarkan arahan agar semua calon pelbagai jawatan bagi pemilihan Umno 11 Mei ini serta ejen mereka, menghentikan kempen kerana keputusan pencalonan sudah diketahuhi.

Perdana Menteri juga mengingatkan calon supaya tidak sekali-kali menggunakan wang bagi membeli perwakilan menjelang pemilihan parti bulan depan.

Dr Mahathir turut berharap pertandingan kali ini tiada siapa gunakan wang untuk mempengaruhi perwakilan menjelang pemilihan Mei ini.

Mengulas perkara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, berkata pihaknya tidak akan berkompromi terhadap sebarang penyelewengan, termasuk politik wang dalam pemilihan parti.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli Umno yang mempunyai maklumat dan bukti berhubung gejala politik wang, membuat laporan kepada Badan Perhubungan Umno negeri.

"Kita tidak mahu ada pihak sengaja mengadakan bukti kerana mempunyai niat tertentu dan perkara ini harus dielakkan.

"Bagimanapun, jika mereka mempunyai bukti yang kukuh tetapi tidak berani mengemukakannya, ahli

Umno boleh menemui saya untuk disampaikan terus kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno," katanya.

Calon naib presiden, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, turut meminta pucuk pimpinan Umno membuat arahan lebih khusus, walaupun amaran itu boleh membantu mengurangkan kegiatan tidak sihat seperti politik wang.

"Saya yakin ramai yang akur dengan keputusan ini, walaupun sesetengah pihak akan menganggap ia sebagai menyekat atau tidak berapa demokratik atas dasar calon dan perwakilan sepatutnya diberi peluang mengenali antara satu sama lain.

"Tetapi berdasarkan pengalaman parti pada masa lalu, kita lihat terdapat kecenderungan kepada politik Wang... oleh sebab semua pihak kena akur dengan keputusan.

"Justeru, pada peringkat ini perwakilan harus menggunakan pertimbangan yang objektif dan rasional dalam membuat pemi-

lian calon." katanya.

Menjawab soalan sama ada calon sepatutnya boleh berkempen dalam tempoh tertentu bagi membolehkan perwakilan terutama muka baru mengenali satu sama lain, Muhyiddin berkata perkara itu boleh difikirkan oleh pucuk pimpinan.

"Cuma kami berharap jangan ada perwakilan rasa kecil hati sebab calon tak jumpa. Kerana pada masa lalu memang ada berlaku begitu, ada yang beritahu calon mengapa tak turun, yakin sangat ke boleh memang, tak mahu nak mesra ke dengan kami.

"Tetapi kalau dengan arahan Presiden kalau semua pihak terima baik jadi tidak ada satu desakan dari mana-mana pihak, perwakilan kalau tidak jumpa calon, jangan anggap kami sombong atau hidung tinggi atau kami terlalu yakin... ini saya cakap ikhlas.

"Ini mungkin satu arahan bijaksana untuk memelihara perpaduan parti dan memastikan tidak timbul keadaan tegang atau panas," katanya.

Naib Ketua Pergerakan

Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar, ketika diminta mengulas perkara berkenaan berkata arahan itu baik dan berharap semua calon MT akur dengannya.

DI KOTA KINABALU, Timbalan Ketua Menteri yang juga Ketua Umno bahagian Beaufort, Datuk Lajim Ukin, berkata setiap ahli perlu mematuhi arahan itu bagi mengelakkan persefahaman.

"Walaupun kita tidak berpeluang untuk berkempen tetapi saya tetap yakin menang kerana perwakilan pastinya matang dalam menentukan siapakah pemimpin yang layak untuk memegang jawatan itu," katanya.

Beliau juga menyokong saranan supaya politik wang dihapuskan kerana ia penting bagi memastikan calon yang tidak mempunyai wang juga layak untuk bertanding dan menang.